

Headline	Petani pengotor punca bencana alam		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Nov 2014	Language	Malay
Circulation	218,251	Readership	654,753
Section	Negara	Page No	2
ArticleSize	476 cm ²	Journalist	FIRDAUS HASSAN
PR Value	RM 18,308		



Petani pengotor punca bencana alam

Cameron Highlands perlu diselamatkan daripada terus dimusnahkan kumpulan rakus

FIRDAUS HASSAN

CAMERON HIGHLANDS - Pembuangan sampah pertanian yang tidak terkawal dan penerokaan tanah rizab di tebing sungai secara rakus menjadi punca utama berlakunya bencana banjir kilat yang meragut lima nyawa di sini pada Rabu lalu.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, penyelesaian masalah di tanah tinggi itu perlu dilakukan melalui satu pelan jangka panjang yang harus dirancang oleh kerajaan negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta agensi-agensi lain.

"Setakat ini baru ada pelan jangka pendek yang dilakukan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang memperuntukkan sebanyak RM40 juta untuk mengorek sungai dan empangan di Cameron Highlands," katanya.

Bagaimanapun, menurut beliau, pelan jangka pendek tersebut tidak akan menyelesaikan masalah banjir kilat di sini kerana permasalahan itu memerlukan satu pelan jangka panjang dan menyeluruh.

"Pelan jangka panjang itu perlu bagi mengatasi penerokaan tanah rizab di kawasan sungai yang telah 'dimakan' oleh kumpulan-kumpulan rakus dan ia men-

jadikan daerah ini kerap dilanda masalah banjir," kata beliau.

Mahdzir memberitahu, keluasan tanah rizab sungai ialah 20 meter di setiap tebing sungai namun apa yang berlaku kini ialah petani-petani menjalankan aktiviti pertanian di atas tanah rizab tersebut.

"Kementerian dan TNB tiada kuasa ke atas petani-petani yang menceroch ini, jadi ada baiknya kerajaan negeri, JPS dan agensi berkaitan duduk berbincang, kalau tidak banjir akan berlaku setiap tahun," kata Mahdzir selepas melawat kawasan Empangan Sultan Abu Bakar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mahdzir berkata, ketika berlakunya banjir kilat Rabu lalu, jumlah sampah yang tersumbat di kawasan Empangan Sultan Abu Bakar mencecah tiga tan berbanding kadar normal sekitar dua tan seminggu.

"Peningkatan mendadak sampah di empangan itu disebabkan hujan lebat dan aktiviti pertanian yang terlalu rancak," kata beliau.

Selain itu, kata beliau, TNB telah berbincang dengan pihak pentadbiran Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Bertam Valley yang terjejas teruk akibat banjir kilat itu dan memberi cadangan agar sekolah itu dipindahkan ke bangunan baharu yang selamat.

"Perpindahan sekolah itu juga berada dalam jarak lingkungan sesuai dengan penempatan keluarga pelajar-pelajar itu dengan kos pembinaan sekolah ditanggung oleh TNB," katanya.



KERATAN Kosmo! 6 November 2014.




KESAN kemusnahan berhampiran SJKC Bertam Valley akibat banjir kilat di Lembah Bertam Rabu lalu.

Headline	Petani pengotor punca bencana alam		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Nov 2014	Language	Malay
Circulation	218,251	Readership	654,753
Section	Negara	Page No	2
ArticleSize	476 cm ²	Journalist	FIRDAUS HASSAN
PR Value	RM 18,308		



SEORANG penduduk melihat kerja-kerja membersihkan lumpur angkara banjir kilat di Lembah Bertam.



SUNGAI Bertam yang dipenuhi sampah-sarap selepas banjir kilat melanda kawasan itu.



EMPANGAN Sultan Abu Bakar di Ringlet, Cameron Highlands.



MAHDZIR membuat tinjauan udara untuk melihat kesan kemusnahan akibat banjir di Lembah Bertam, Cameron Highlands semalam.